

P E N G E N A L A N

Kajian ini adalah sebagai memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh pihak Fakulti Undang-Undang kepada penuntut-penuntut tahun empat Fakulti tersebut.

Telah sering kita mendengar mengenai undang-undang Islam dan menjadi kelaziman kepada rakyat seluruhnya mentafsirkan pemakaian undang-undang itu terkhusus kepada orang-orang Islam sahaja. Tetapi tidak banyak orang-orang awam mengetahui lebih dekat bagaimanakah undang-undang itu ditadbirkan ke atas mereka. Memandangkan kepada kehendak inilah maka tajuk ini telah dipilih sebagai satu bidang kajian.

Kajian ini meliputi seluruh pentadbiran-pentadbiran yang bersangkutan dengan undang-undang Islam Negeri Pahang. Apa yang dimaksudkan dengan undang-undang Islam dalam kajian ini ialah Undang-Undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu (bilangan 5) tahun 1956. Oleh itu bidang kajian cuma ditumpukan kepada institusi atau badan-badan yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan undang-undang itu. Justeru itu juga maka tidak disentuh dalam perbincangan selanjutnya itu mengenai peranan Pegawai Penerangan Ugama, Pemeriksa Hal-Ehwal Agama, Nazir Sekolah-Sekolah Agama, Guru Pelawat Agama dan juga hubungan antara Kerajaan Negeri dengan Jabatan Agama. Begitu juga dalam kajian ini tidak disentuh sekali mengenai bahagian Pelajaran yang mana merupakan sebahagian dari

pada cabang Majlis Agama dan Pejabat Agama. Bahagian-bahagian ini tidak mempunyai perkaitan rapat dengan fungsi-fungsi pelaksanaan undang-undang Islam pada sudut undang-undang Islam sebenar-benarnya.

Kajian ini dijalankan dengan meliputi berbagai cara. Ini termasuklah dengan cara membuat kerjalar (field works) di Daerah Temerloh dan Pekan. Tumpuan utama dibuat ke Jabatan Agama Islam Negeri Pahang, Pekan, dan Mahkamah Kadi Daerah Temerloh. Selain dari itu dibuat juga rujukan-rujukan di perpustakaan Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Temuduga-temuduga juga telah dibuat kepada beberapa orang yang bersabit dengan kajian ini seperti Tuan Kadi Besar Pahang, Setiausaha Majlis dan lain-lain lagi. Mengenai beberapa kes-kes yang dicatatkan dalam kajian ini hampir seluruhnya dibuat dengan cara pemerhatian (observer) sahaja.

Berbagai-bagai masalah telah wujud dalam pengkajian ini. Kesulitan utamanya ialah mengenai kerjasama-kerjasama yang diberikan oleh pihak-pihak berkenaan. Mereka tidak yakin bahawa tujuan kajian ini adalah sebenar-benarnya untuk kepentingan mereka dan penduduk-penduduk seluruhnya. Sebaliknya mereka berpendapat perkara-perkara itu adalah sulit dan tidak harus didedahkan untuk membongkar kelemahan mereka sendiri.

Kesimpulannya, semoga tujuan-tujuan ini tidaklah semata-mata dianggap sebagai satu bahan rujukan sahaja tetapi adalah sebagai bahan

bacaan umum seluruhnya. Kelemahan-kelemahan dalam sistem pentadbiran dan penyelarasannya yang sering memeningkan itulah yang seharusnya diperhatikan. Begitu juga dengan Undang-Undang Tubuh Uqama Islam dan Adat Istiadat Melayu 1956, itu sudah sampai masanya untuk dipinda keseluruhannya jika dibandingkan dengan kehendak masyarakat sekarang. Banyak diantara peruntukan-peruntukan di dalamnya yang tidak bersesuaian dengan keadaan sekarang lebih-lebih lagi di masa kaum wanita di negara ini begitu lantang melaungkan hak persamaan mereka di dalam perkahwinan. Begitu juga mengenai hukuman-hukuman yang ditetapkan kelak hendaklah tidak sahaja mengenai pihak Islam yang melakukannya tetapi juga pihak-pihak bukan Islam yang terlibat sama.